



SN DATO' DR. MOHD ANUAR RETHWAN

LATAR BELAKANG

Beliau yang dikenali sebagai Anwar Ridhwan mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dari Universiti Malaya (UM) dan telah menghasilkan beberapa buku serta artikel penyelidikan dalam bidang sastera Melayu moden seperti novel, puisi, cerpen dan drama. Beliau juga pernah bekerjasama dengan Prof. Dr. E. U. Kratz dari *SOAS University of London* dalam membuat kajian dan membukukan pantun-pantun Melayu sebelum 1914 Koleksi *Hans Overbeck*.

PENCAPAIAN

Karya-karya beliau telah diterbitkan di Indonesia dan diterjemahkan karya terbabit lebih 16 bahasa dunia. Beliau juga telah menghasilkan beberapa buah buku berbentuk kajian dan ilmiah.

Pada tahun 2002, beliau telah menerima anugerah *SEA Write Award* di Bangkok dan Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara. Beliau turut menerima anugerah Sastera Negara daripada Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong sebagai Sasterawan Negara ke-10 pada 20 Oktober 2009.

Beliau juga pernah mengikuti kursus pengurusan dan penerbitan buku di *New York University* pada tahun 1982 dan *International Writing Program* pada tahun 1986 di *University of Iowa*, Amerika Syarikat. Beliau juga pernah berkhidmat di Dewan

Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia selama lebih 30 tahun. Selama tiga tahun beliau bertugas sebagai Profesor Pelawat di *Tokyo University of Foreign Studies*, Jepun dari bulan April 1997 hingga Mac 2000.

Antara karya penulisan beliau yang terbaharu dan terpilih adalah Pengantar dalam Perempuan dari Setchuan: Sebuah Teater Alinasi, terbitan City Reprographic Services pada tahun 2010, Samak dalam Truth Globalize terbitan Bangkok: Thai-Malaysian Literary Relations pada tahun 2011, Wajah Timur Lidah Barat: Permasalahan Imperialisme Linguistik di Malaysia terbitan Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2012, Potpuri: Budaya, Sastera dan Seni (3 Jilid) terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2016, Budaya dan Rakyat terbitan AR Matrix pada tahun 2016, Bangsawan: Helah Behena terbitan Pekan Ilmu Publication pada tahun 2018, dan Cerita Saya: Memoir Sehingga Tahun Tragedi 13 Mei 1969 terbitan ITBM pada tahun 2018.

Kini, beliau menjadi Pensyarah di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem, dan Pusat Pengajian Pasca Siswazah di ASWARA.